


O S U

GEMPAK.

WEEKLY EDITION



I DIDN'T SAY NO, TAPI YA

Dewi
Jofliam

SAH ISTERI



Jofliam & Dewi

Pada saat mantan isteri dikecam hanya kerana menjadi diri sendiri dan tersakiti di atas sikap-sikap tidak bermoral yang pernah dilalui sewaktu masih berkahwin dan melepaskannya di media sosial, lelaki yang pernah menjadi suaminya kini tengah berbahagia.

Lelaki itu — yang diberi bermacam-macam gelaran dan mencetuskan sensasi 'yang tidak-tidak' namun cukup sohor dengan nama Jofliam sudah pun menikahi wanita yang pernah dinafikan menjadi punca pecah belah perkahwinan bersama Cik Epal, Dewi atau Emira Delyati.

Dewi — wanita yang pernah secara eksklusif mengaku dalam program Gempak Most Wanted sebagai dipetik 'i didn't say yes, i didn't say no' sewaktu mendakwa telah dilamar menjadi madu Cik Epal beberapa bulan lalu kini sah menjadi isteri pertama Jofliam.

Meski menerima kecaman kiri, kanan, atas dan bawah serta disifatkan netizen sebagai pasangan pengantin baharu yang paling banyak 'dibenci', terimalah hakikat bahawa Jofliam dan Dewi kini sudah 'menyatu' ; cinta suci mereka disimpul dengan ikatan perkahwinan.



Maka berbunyi dan lontarkan lah beragam kecaman kepada mereka, Jofliam tidak peduli. Seperti biasa, lelaki dua anak iaitu Han dan Yuki itu tetap berkongsi kain dalam kisah rumah tangga bersama wanita impiannya sebaik sah menjadi suami isteri — daripada aksi mesra, solat jemaah sehingga cemburu si ibu tiri lebih beri perhatian kepadan Han, Jofliam tetap tayang.

Dia tidak peduli. Walau ada yang menyifatkan ia sebagai provokasi 'lembut' tetapi Jofliam tetap tidak peduli. Makin menjadi-jadi perkongsian bahagia dipamerkan.

Jika ada yang berasa tersakiti atau meluat, mereka juga tidak peduli kerana sebagai pasangan yang baru berkahwin seminggu lalu, Jofliam dan Dewi berhak meraikan kemenangan cinta mereka — tidak pedulilah Dewi penyondol atau Jofliam curang sejak menjadi suami berpengaruh yang dinikahi pada 2014 silam.

Apa yang penting mereka sudah berkahwin. Perjuangan cinta mereka telah mencapai puncaknya. Suka atau tidak, terimalah. Doakan yang baik-baik buat pasangan ini mahupun mantan isteri.

Sebagai orang luar, kita tidak pernah tahu apa sebenarnya yang terjadi dalam kehidupan seseorang. Kita juga tidak pernah tahu apa rahsia Allah buat kehidupan kita semua.

Jika tidak suka Cik Epal atau benci Jofliam dan Dewi jangan sampai jadi pentaksub. Ingat, sama seperti nampak dunia macam kejam tapi jangan lupa bahawa jendela media sosial ini selalu digelar 'dunia tipu-tipu'.

Seperti mana dunia tidak fana, begitulah barangkali apa yang dipamerkan di media sosial tidak pernah sejalan dengan kehidupan sebenar.

Jadi jangan bazirkan tenaga positif hanya untuk saling membenci. Jofliam dan Dewi sudah kahwin, lantakkan mereka. Cik Epal nak meroyan, biarkanlah dia. Nanti bila sudah penat, tahulah masing-masing bawa diri dan duduk diam-diam. -
MALIAH SURIP



Selebriti Bersyukur Miliki Anak Autisme

Mempunyai anak istimewa, autisme bukan lagi satu tabu yang cuba disorokkan oleh ibu dan bapa yang dikurniakan rezeki ini. Sudah ramai ibu bapa yang berkongsi mengenai pengalaman memiliki anak autisme sekaligus menimbulkan kesedaran kepada masyarakat. Ini termasuklah dalam kalangan selebriti yang tidak malu mengaku turut menjalani kehidupan sama seperti manusia lain apabila tidak terlepas 'dihadiah' anugerah istimewa' anak autisme.

Berikut antara selebriti yang memiliki anak autisme.



Jep Sepahtu

Pelawak dan deejay radio menerusi satu perkongsiannya baru-baru ini dia dan isteri, Sari Yanti telah diberi hadiah terindah oleh Allah dengan anak autisme. Bukan seorang tetapi dua anak lelaki pasangan itu iaitu Khidir dan Abu Bakr telah didiagnos sebagai autisme.

Jep atau nama sebenar Mohd. Nadzri Zainal Abidin berkongsi berita itu sempena ulang tahun ke-40nya dan bersyukur dengan pemberian Allah.

"Saya akan jaga amanah ini dengan penuh syukur, cinta dan kasih sayang," tulisnya di Instagram.



Edry Abdul Halim

Salah seorang anggota KRU dan komposer terkenal Edry Abdul Halim telah lama berkongsi mengenai kehidupan mereka sekeluarga yang dikurniakan seorang anak autisme. Emery yang kini sudah berusia 17 tahun merupakan anak ketiga dalam perkahwinannya bersama Milia Mohammed.

Demi memberi suasana positif dan perkembangan baik buat Emery, pasangan tersebut sanggup berpindah ke Eropah pada sekitar tahun 2018. Meski sudah memberi pendedahan awal tentang anaknya yang merupakan autisme, masih ada masyarakat yang tidak peka sehingga dia terpaksa berhadapan insiden kurang menyenangkan di sebuah restoran baru-baru ini.



Catriona Ross

Catriona Ross turut dikurnai anugerah istimewa seorang anak autisme iaitu Jammal Al Raess Shaharuddin. Menurut pelakon itu, dia dan suami tidak malu atau cuba menyorokkan keistimewaan anak mereka kerana menyifatkan Jammal layak menjalani kehidupan normal sekaligus berhak hidup baik meski dikategorikan sebagai orang kelainan upaya (OKU).



Khairy Jamaludin

Bekas Menteri Belia dan Sukan, YB Khairy Jamaludin juga mempunyai seorang anak autisme yang diberi nama Timor Abdullah atau digelar Puma. Menerusi pengakuan KJ, Timor mempunyai Autism Spectrum Disorder (ASD). Dia didiagnos autisme sekitar usia tiga tahun. Dalam satu temu bual beberapa tahun lalu, suami Nori Abdullah itu menyifatkan tidak ramai yang faham mengenai kanak-kanak yang mempunyai ASD.

"Mereka hidup dalam dunia neurologi yang sangat berbeza berbanding dengan individu biasa. Saya tidak pernah faham apa dunia di mata Timor namun dari sudut positif kami sentiasa belajar perkara baharu," katanya dalam temu bual tersebut. - MALIAH SURIP

'Mola-Mola' Cetus Sensasi TikTok, Kakcik Yah Terus Mendonia! - "Ada Cemburu, Tapi ..."



Selebriti TikTok warga emas, Kakcik Yah atau Nariah Ahmad, 74, mengakui ada segelintir jiran yang mula menunjukkan rasa kurang senang sejak dirinya semakin dikenali.

"Ada yang cemburu, tapi ramai juga yang baik. Saya tak tahu macam mana nak jadi sombong," katanya ketika ditemui di Kampung Melayu, Pulau Pinang.

Aktif di TikTok sejak tahun 2022, Kakcik Yah mula mencuri perhatian ramai terutamanya sejak bulan Ramadan lalu menerusi video masakan bersahaja yang disampaikan dengan gaya mesra dan jujur.

Kakcik Yah kini memiliki hampir 200,000 pengikut dengan lebih 1.9 juta likes, dan cukup dikenali dengan tagline uniknya — "mola-mola" — yang sering membuka setiap videonya.

Berpindah dari Arau, Perlis, Kakcik Yah kini menetap di Air Itam bersama anak lelaki bongsunya. Beliau merupakan ibu tunggal kepada empat anak dan nenek kepada tujuh cucu.

Selain memasak, Kakcik Yah juga gemar melancong ke luar negara bersama rakan-rakan.






Pengarah: Awi Suryadi
Pelakon: Arbani Yasiz, Ersya Aurelia, Erika Carlina
Genre: Seram

Mengisahkan sekumpulan buruh bermusim di sebuah kilang gula. Setiap tahun, kilang tersebut akan mengambil pekerja dari kampung-kampung berdekatan bagi mempercepatkan proses penggilingan tebu semasa musim menuai.

Segalanya bermula dengan normal tanpa sebarang keanehan, sehinggalah pada suatu malam, Endah terjaga dari tidur dan keluar dari tempat penginapannya untuk mengekori sosok misteri yang mencurigakan. Sejak malam itu, para buruh mula mengalami gangguan dan mistik.

Antara kejadian yang dialami termasuklah kematian tragis seorang pekerja di sebuah perigi lama di belakang kilang.



Pengarah: A. R. Murugadoss
Pelakon: Rashmika Mandanna, Salman Khan, Kajal Aggarwal, Sathyaraj
Genre: Aksi

Filem Sikandar mengisahkan tentang perubahan hidup seorang lelaki bernama Sanjay Rakjot atau Sikandar (Salman Khan) yang pada awalnya bersikap tidak ambil peduli terhadap orang sekeliling.

Namun, perubahan dalam dirinya menjadikannya simbol harapan buat mereka yang sedang berdepan dengan kesukaran, serta lambang keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan.



Pengarah: Abhilash Chandra, Syafiq Yusof
Pelakon: Syafiq Kyle, Sharnaaz Ahmad, Shukri Yahaya, Wan Hanafi Su, Andy Teh, Amelia Henderson
Genre: Aksi

Kisah bermula dengan Ariff, seorang pengawal peribadi yang dituduh mengkhianati majikannya, Naga, seorang figura berpengaruh yang pernah melindungi dan membesarkannya. Terjerat dalam konspirasi dan pengkhianatan, Ariff terpaksa melarikan diri untuk mencari kebenaran dan membuktikan dirinya tidak bersalah.

Dalam usahanya itu, Ariff mendapatkan bantuan daripada abangnya yang telah lama terpisah, Jaki. Namun perjalanan mereka tidak mudah. Ariff diburu oleh sahabat karibnya sendiri, Ghaz, ketua pasukan pengawal peribadi elit yang suatu ketika dahulu mereka anggap sebagai "Blood Brothers".

GMW: Hakim Nanyan, Caprice, Mimifly Kuasai Carta Minggu Ini!

Carta Gempak Most Wanted minggu ini menyaksikan dominasi beberapa nama besar dari pelbagai kategori digital dan hiburan. Dalam kategori DC Lifestyle, jenama dan figura Christy Ng kekal unggul di tangga teratas.

Dalam DC Foodie, Jason terus menjadi pilihan utama di kalangan peminat sementara Shak Shazwan kekal di puncak DC Entertainment.

Sukan dan motivasi turut tidak kurang hebat — Hakim Nanyan berada di tempat pertama dalam DC Sports, manakala Zulkifli Ismail terus memberi impak positif di carta DC Motivation & Education.

Bagi dunia selebriti, Shukri Yahaya menjadi selebriti paling trending minggu ini, menewaskan nama-nama besar seperti Mimifly dan Mira Filzah.

Program digital PodcasterK - OLD MONEY Sterk pula mendahului carta tontonan, dengan Caprice memegang gelaran Hos Digital No.1 minggu ini.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak kedudukan terkini Top 5 GMWA 2024:

DC SPORTS

1. Hakim Nanyan
2. Aqil Farhan
3. Padil
4. Stormie
5. Juju Soya

SELEBRITI TRENDING


1. Shukri Yahaya
2. Mimifly
3. Mira Filzah
4. Naim Daniel
5. Qasrina Karim

DRAMA TRENDING

1. Dia Imamku
2. One Cent Thief S2
3. Seribu Tahun
4. Keluarga Itu
5. Geng D.U.I.T

LAGU TRENDING

1. Nurcinta - Amir Masdi
2. Rahsia Tuhan - Noh Salleh
3. Masa - NAKI feat Fahimi
4. Syaitan pun pening. - Naim Daniel
5. Bila Nak Kahwin? - Amira Othman



Nabil, Azad & Radin Kembali Ke 3Pagi ERA

Trio penyampai 3Pagi ERA, iaitu Nabil Ahmad, Azad Jasmin dan Radin kembali bersiaran selepas direhatkan selama sebulan.

"Syukur sangat dapat kembali bekerja. Ramai yang beri maklum balas positif di media sosial, kami amat hargai," kata mereka kepada Gempak.

Mereka turut menyifatkan tempoh rehat tersebut sebagai satu hikmah yang merapatkan hubungan mereka dengan para pendengar dan menjadikan mereka lebih menghargai peluang yang ada.

Untuk makluman, sepanjang mereka direhatkan, segmen 3Pagi ERA dikendalikan oleh Sharifah Shahira (Kak Rare), Haziq, dan Namie.



First Wives: Mimi Lana, Melissa Campbell Lawan Suami Curang

Astro Originals tampil dengan drama premium terbaru, First Wives, yang membawakan kisah wanita bangkit melawan pengkhianatan suami.

Dibintangi Mimi Lana, Melissa Campbell, dan Malek Mccrone, siri ini angkat tema persahabatan, kekuatan dan kebangkitan wanita.

Menurut Ketua Astro Shaw, Raja Jastina, drama ini cerminkan realiti sebenar – isu curang, hutang suami dan wanita yang terperangkap.

"Kami mahu penonton rasa dihargai dan terinspirasi untuk bangkit," katanya.

Saksikan 8 episod bermula 11 April, setiap Isnin 9 malam di Astro Citra, atau strim di Astro GO, On Demand dan sooka.



KRU Gegar Singapura

Selepas kejayaan GenKRU Live selama tiga hari di Axiata Arena, kumpulan legenda KRU bakal mencipta sejarah di Singapura pula! Konsert GenKRU Live In Singapore dijadual berlangsung pada 28 Jun 2025 (Sabtu), jam 8 malam di The Star Theatre.

Ini merupakan kemunculan semula KRU — Norman, Yusry, dan Edry — di Kota Singa selepas sekian lama, sebagai tanda penghargaan buat peminat setia di sana.

Harga tiket bermula dari SGD \$208 hingga \$328, dengan pelbagai kategori eksklusif termasuk Fanatik, Awas dan Mengerti.

Maklumat lanjut dan pembelian tiket di: www.sistic.com.sg

Kak Ani Hadiahkan Konsert Raya Percuma

Ratu Irama Malaysia, Noraniza Idris, bakal mengadakan Konsert EH RAYA 2025 secara percuma pada 26 April 2025 (Sabtu) di Summit USJ, dari jam 9 pagi hingga 9 malam.

Konsert istimewa ini menampilkan gabungan muzik, tarian, sketsa dan budaya dalam suasana rumah terbuka Aidilfitri.

Kak Ani akan bergandingan dengan Azmir Arif, Helmi Gimmick dan Siti Sarah, serta diiringi lebih 60 penari NIDA TARI.



Acara turut merangkumi bengkel tarian tradisional, pertandingan kreatif dan aktiviti budaya seperti Rewang Raya dan Malam 7 Likur.

Financial Faiz

@financialfaiz



Impak Gelombang Tarif AS, Malaysia Perlu Strategi Bijak

Pendidik Kewangan, Faiz Azmi menyatakan kerajaan telah mengambil satu langkah yang baik dalam membuat keputusan selepas Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump telah mengumumkan gelombang tarif baharu.

Jelas Faiz, kerajaan harus berhati-hati dalam membuat keputusan kerana ia boleh memberi kesan kepada rakyat Malaysia.

"Kenapa kerajaan tak respon cepat sebab bukan mereka tidak berani tapi sebab mereka tengah kira-kira langkah kerana perkara ini berlaku dengan pantas sekali.

"Menteri komunikasi nak cakap perkara ini isnin depan namun tahu-tahu Trump dah buat Tarif pause. Dalam Trade War ini perlu hati-hati kerana jika tersilap langkah rakyat yang akan sakit kerana Trump pun boleh berikan tarif yang tinggi kepada Malaysia," katanya.

Pada masa sama, Faiz juga menjelaskan tindakan China membalas kembali Tarif kepada AS sedikit sebanyak memberi kesan kepada kedua buah negara.

Menurutnya, tarif tinggi menyebabkan barangan China menjadi mahal di pasaran AS, lalu mengurangkan eksport. Ini memberi tekanan kepada kilang, pelabur menarik diri dan pasaran saham China turut merosot.

"Tarif tinggi ini membuatkan barang China yang dieksport ke US jadi mahal, so eksport dia pun jatuh, kilang pun susah nak jual barang, pelabur tarik diri dan market sahamnya juga akan terjejas.

"Tapi US pun akan rasa juga, sebab bila tarif dinaikkan barang-barang import daripada China itu akan naik harga. Siapa yang kena bayar lebih, penduduk di Amerika Syarikat sendiri sehingga US Stock Market kehilangan trillions of dollars. Selepas market dah teruk barulah Trump umum tarif pause untuk negara-negara lain," katanya.

Terdahulu, Amerika Syarikat (AS) kenakan tarif timbal balik 24 peratus ke atas import dari Malaysia dalam gelombang perang perdagangan global.

Presiden Donald Trump pada Rabu mengumumkan gelombang tarif baharu yang belum pernah terjadi sebelum ini ke atas import dari semua negara yang berdagang dengan AS.

Antara tarif timbal balik yang tinggi dikenakan terhadap China sebanyak 34 peratus, Kesatuan Eropah 20 peratus, Vietnam 46 peratus, Sri Lanka 44 peratus, Kemboja 49 peratus, Laos 48 peratus dan Myanmar 44 peratus.






Upin & Ipin Meet Baju Melayu!

A Malaysian artist recently went viral for creatively revamping an old Baju Melayu by painting vibrant illustrations of iconic local cartoon characters, Upin and Ipin, on the traditional outfit.

The artwork, which features the animated twins in their signature style, struck a nostalgic chord with many Malaysians, especially fans of the long-running series.

By fusing pop culture with cultural heritage, the artist successfully brought new life to a classic garment, turning it into a wearable piece of art.




Village Life Down To 10

Once a bustling trading hub in Perak, a historic village now finds itself nearly deserted, with only 10 residents remaining.

Once filled with vibrant activity and community life, the village has seen a sharp decline over the years due to urban migration, aging population, and lack of economic opportunities.

Its current quiet state stands in stark contrast to its lively past, reflecting the broader issue of rural depopulation in Malaysia.



Stray Dog Skinned Alive In Tawau

A heartbreaking incident in Tawau has sparked outrage after a stray dog was reportedly skinned alive and later died due to severe injuries, believed to be caused by internal bleeding or organ failure.

Animal lovers discovered the dog in critical condition and tried to save it, but it didn't survive. The case has drawn widespread condemnation from the public, animal welfare groups, and online communities.

Authorities are now investigating the cruel act, which has been called an unacceptable crime.

Read more at www.rojakdaily.com.